

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 25 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 7**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1411-L00404  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan melaksanakan pemberian 20 peratus royalti kepada negeri-negeri pengeluar minyak.
  
2. PR-1411-L01115  
**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap tindakan China yang menubuhkan pangkalan tentera dilengkapi sistem peluru berpandu di Kepulauan Spratly, Laut China Selatan serta sejauh manakah konflik di kepulauan tersebut mampu memberikan ancaman terhadap keamanan di rantau ini.
  
3. PR-1411-L00802  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesudian Kementerian untuk melaksanakan dasar harga ubat negara untuk mengawal harga ubat dan kadar keuntungan syarikat yang tidak membebankan rakyat.
  
4. PR-1411-L01016  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Fasa 2 sama ada ia akan diteruskan atau tidak.

5. PR-1411-L00200  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Tabung Harapan yang terkumpul setakat masa kini, nyatakan jumlah bilangan penderma, kategori mereka dan tujuan tabung untuk pembayaran hutang yang macam mana.
6. PR-1411-L01137  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah jangka panjang dan jangka pendek yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah keketekan muara di beberapa tempat di Terengganu seperti muara Sungai Merang dan Fikri yang telah membantutkan kerja-kerja nelayan dan pengusaha bot pelancongan.
7. PR-1411-L01267  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci dasar Kerajaan mengenai Pendidikan Khas. Apakah pembaharuan-pembaharuan yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan prestasi proses pengajaran dan pembelajaran dalam sistem Pendidikan Khas negara kita.
8. PR-1411-L01272  
**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan secara terperinci perancangan pihak Kerajaan untuk menyamaratakan harga barangan di Sabah dan Sarawak berbanding di Semenanjung.
9. PR-1411-L01231  
**Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah agensi agama seperti IKSIM, YADIM, Institut Wasatiyyah akan dimansuhkan kerana umum mengetahui agensi tersebut mempunyai bidang tugas yang sama serta mendatangkan kekeliruan pada kefahaman umat Islam.
10. PR-1411-L01166  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pemberian biasiswa MyBrain kepada pelajar yang akan menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

11. PR-1411-L01290  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara tetap dan terperinci sama ada Kerajaan kini berniat untuk menghapuskan "*abolish*" hukuman mati dan sekiranya ya, bilakah ia akan dilaksanakan.
12. PR-1411-L00016  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan setakat manakah Wawasan 2020 masih relevan sebagai visi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan nyatakan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan negara Malaysia terus maju dan berpendapatan tinggi serta memastikan semua lapisan rakyat terbela dan tidak terpinggir daripada pelbagai sudut kehidupan.
13. PR-1411-L01301  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibul ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kriteria-kriteria bagi perpindahan guru antara bandar dalam Sarawak. Apakah sebab rayuan perpindahan asyik tidak berjaya walaupun rayuan tersebut berdasarkan alasan yang amat mencukupi. Adakah keputusan perpindahan dibuat mengikut piawai prosedur tertentu.
14. PR-1411-L01316  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pelaksanaan Fasa II bangunan Hospital Daerah Lawas dimulakan dan bila dijangka siap. Pada masa yang sama, keperluan doktor pakar amat diperlukan dan apakah ini dalam perancangan bersama projek hospital baru.
15. PR-1411-L01106  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia mempunyai kelengkapan kapal peronda, jeti tahanan bot dan lokap tahanan yang cukup di Terengganu untuk menguatkuasakan kawalan perairan Terengganu.
16. PR-1411-L01093  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah resolusi Jawatankuasa Peringkat Tinggi (HLC) mengenai Pasukan Petugas Khas Sekolah-sekolah Tahfiz sebelum ini dalam memantau pengurusan sekolah agama rakyat, maahad tahfiz dan pondok agama di seluruh negara akan diteruskan. Adakah peruntukan sedia ada diteruskan memandangkan terdapat desakan supaya peruntukan institusi agama dikurangkan.

17. PR-1411-L01036  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah ada perancangan dari pihak Kementerian untuk memberi bantuan tambahan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berpendapatan rendah.
18. PR-1411-L00470  
**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian akan meneruskan Program Lampu Jalan Kampung untuk kawasan luar bandar.
19. PR-1411-L00738  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kos yang terlibat dalam pindah milik semula 16 plot tanah milik di Jalan Semarak daripada Synergy Promanade Sdn. Bhd. kepada FELDA dan siapa yang menanggung kos tersebut. Bagaimanakah Synergy Promenade Sdn. Bhd. boleh memperolehi milikan tanah-tanah tersebut pada asalnya.
20. PR-1411-L00574  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian langkah segera yang dilakukan Kerajaan untuk menghapuskan kutipan tol di lebuhraya secara berperingkat dan nyatakan tarikh serta tol yang terlibat dalam penghapusan kutipan tol yang akan dilaksanakan.
21. PR-1411-L00523  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri Kelantan akan mula dibayar.
22. PR-1411-L00873  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) kedudukan terkini Dasar Sosial Negara dalam menangani isu-isu sosial di negara ini dan adakah masalah LGBT transgender diambil kira sebagai masalah sosial yang pernah dirawat; dan
  - (b) apakah pendirian Kementerian terhadap Jawatankuasa Transgender yang digerakkan di Pulau Pinang bagi menjalankan aktivitinya.

23. PR-1411-L00768  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah pengundi-pengundi yang masih belum didaftarkan sebagai pengundi sah. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan kaedah-kaedah “*automatic registration*” apabila seseorang mencapai umur 21 tahun.
24. PR-1411-L00812  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah perkembangan jawatankuasa khas bagi mengkaji semula undang-undang berkaitan keselamatan negara seperti SOSMA, POCA dan POTA yang didakwa bertentangan dengan hak asasi manusia. Berapakah tempoh masa yang diperlukan bagi menyemak undang-undang berkenaan dan dimansuhkan.
25. PR-1411-L00609  
**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [ Jeli ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih kompetitif dan menjadi destinasi utama pelaburan, perdagangan dan pelancongan. Apakah strategi bagi menarik rakyat Malaysia pakar dan berkemahiran tinggi untuk menyumbang kepada pembangunan negara.
26. PR-1411-L00281  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit buah pinggang yang berdaftar dengan Kementerian di Sibu dan apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan perkhidmatan dialisis di Hospital Sibu memandangkan banyak lagi pesakit yang ingin memohon mendapat rawatan dialisis di Hospital Sibu.
27. PR-1411-L01378  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai plan pembangunan pelancongan untuk menjalinkan kerjasama bersama Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan industri pelancongan negeri Sarawak yang berpotensi tinggi.
28. PR-1411-L00820  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah jam yang telah diperuntukkan kepada pemimpin parti pembangkang berbanding pemimpin parti Kerajaan dalam saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM). Apakah jaminan Kementerian terhadap kebebasan media dan layanan yang adil kepada pihak pembangkang.

29. PR-1411-L00230  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hasil rundingan semula pihak Kerajaan dengan negara China berhubung projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL).
30. PR-1411-L00731  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dasar luar Kerajaan terhadap masalah umat Islam di Selatan Filipina dan Selatan Thailand dan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk berunding atau mendesak kerajaan Thailand agar memberikan hak yang adil kepada penduduk Islam di Selatan Thailand.
31. PR-1411-L00155  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Bantuan Sara Hidup Kerajaan sekarang tidak lagi dianggap rasuah dan haram. Nyatakan kategori penerima dan kadar yang telah diterima.
32. PR-1411-L00032  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bila projek meluaskan jalan raya dari tol NKVE ke Bandar Rawang B27/FT3209 akan bermula dan langkah yang diambil untuk memastikan kontraktor utama (*main contractor*) tidak akan melantik sub-kontraktor yang tidak layak, kekurangan pengalaman atau kewangan yang menyebabkan kelewatan projek.
33. PR-1411-L00362  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pengiktirafan sijil UEC dan mekanisma memberi peruntukan belanja mengurus dan pembangunan bagi semua sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) dan peruntukan pembangunan secara sistematik kepada semua SJK(C) seperti yang dijanjikan. Bilakah ia akan dilaksanakan dan berapakah amaunnya.
34. PR-1411-L01006  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah harta dan wang tunai dirampas dan berapa pendakwaan berhubung pelaburan haram yang bersifat seperti "*money game*", skim cepat kaya, *forex*, ponzi di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan. Mengapa Kerajaan tidak menggubal satu akta baru yang cukup kuat untuk menghukum pesalah dan dapat melindungi kepentingan pelabur/mangsa.

35. PR-1411-L00980  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sikap terkini Kerajaan terhadap Institut Pendidikan Guru yang sebelum ini telah diumumkan bahawa 9 buah IPG di seluruh negara akan ditukar fungsi kepada institusi lain.
36. PR-1411-L00136  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jangkaan pihak Kerajaan terhadap perubahan harga barang secara umum selepas pelaksanaan SST pada 1 September 2018 nanti. Adakah harga barang akan menaik, menurun atau tiada perubahan.
37. PR-1411-L00165  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada "*system point*" masih diguna pakai dan apakah kriteria bagi pemohon permit masuk yang mana suami mereka telah meninggal dunia.
38. PR-1411-L00514  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan pengangkutan lori supaya tuan punya-tuan punya lori pengangkutan tidak perlu menambahkan muatan melebihi yang dibenarkan untuk membiayai kos penyelenggaraan lori-lori mereka. Adakah Kerajaan bersedia mengurang atau menghapuskan cukai ke atas lori pengangkutan dan alat-alat ganti lori pengangkutan.
39. PR-1411-L00259  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan menerus atau membatalkan projek perumahan rumah PPR di Baling yang telah diluluskan sebelum ini. Dengan pembinaan projek perumahan ini, ia mampu merealisasikan impian rakyat-rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri.
40. PR-1411-L00858  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bersedia menubuhkan sebuah Suruhanjaya Masa Depan Pekerjaan (Future of Work Commission) bagi mengenalpasti cabaran dan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia di masa hadapan.

41. PR-1411-L01102  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mempertimbangkan permohonan persatuan-persatuan penduduk yang memerlukan satu akta yang sama dengan Akta Pengurusan Strata 2013 untuk menetapkan fungsi-fungsi dan juga bidang kuasa persatuan penduduk untuk mengatasi isu keselamatan setempat. Adakah Kerajaan PH akan mengkaji cadangan ini.
42. PR-1411-L00779  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status bina baru SK Kita Niah dan SK Sepupok Niah dalam Parlimen Sibuti dan apakah dasar Kerajaan Malaysia Baharu berkenaan keputusan Kerajaan lepas menggunakan kaedah IBS bagi sekolah daif di pedalaman dan luar bandar Sarawak.
43. PR-1411-L00590  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang masalah keperluan peruntukan untuk penyelenggaraan longkang, sistem saliran dalam bandar di Rantau Panjang dan keperluan penambahbaikan landskap di mana Rantau Panjang adalah pintu masuk negara utama di Pantai Timur.
44. PR-1411-L01310  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada sesebuah sekolah pelbagai aliran yang terpaksa ditutup akibat ketiadaan murid, boleh dipulihkan kemudian ditempatkan di mana-mana tempat yang mempunyai permintaan sekolah sedemikian.
45. PR-1411-L00902  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan Pakatan Harapan mengenai Laporan Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah yang telah diserahkan kepada mantan Perdana Menteri Najib Razak.
46. PR-1411-L01041  
**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah perancangan daripada Kementerian untuk meletakkan harga lantai sekilogram getah untuk penoreh getah dan sekiranya ada nyatakan harga cadangan tersebut.

47. PR-1411-L00009  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan menerangkan berkenaan projek kereta nasional yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.
48. PR-1411-L01260  
**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status projek-projek lulus demi kepentingan awam oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini yang telah ditangguhkan. Apakah impak kepada aspek pelaburan negara yang semakin menyusut apabila tindakan penangguhan ini berpanjangan.
49. PR-1411-L01288  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan terdahulu pernah membuat permohonan untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar dan/atau sekurang-kurangnya membuat rundingan dengan Kerajaan Australia untuk mengekstradisikan Kpl. Sirul ke Malaysia sepertimana yang disahkan oleh Kerajaan terdahulu.
50. PR-1411-L00533  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan Kerajaan tidak meneruskan usaha dan prosiding rayuan Pulau Batu Putih (Pedra Branca) dari Singapura di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).
51. PR-1411-L00476  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kes-kes kecurian sarang burung walit yang sangat serius kebelakangan ini. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak polis untuk mencegah kes-kes kecurian ini.
52. PR-1411-L00381  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah sebenar pengaliran keluar pelaburan dari Malaysia serta senarai syarikat-syarikat yang terjejas dengan tindakan penarikan keluar dana tersebut.

53. PR-1411-L01029  
**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah peratusan regangan Lebuh Raya Pan Borneo yang telah lengkap di Sarawak. Adakah harga kepada kontraktor dikaji semula selepas pembentukan Kerajaan baru.
54. PR-1411-L01190  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi pembinaan tiga masjid di Parlimen Pengerang telah ditarik balik iaitu Masjid di Felda Air Tawar 5, Felda Semenchu dan Taman Bayu Damai yang mana Majlis Pecah Tanah juga telah dibuat dan kontraktor Johor Corporation telah dilantik serta tindakan permulaan projek telah pun diambil.
55. PR-1411-L00883  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini usaha mengesan dan menangkap Low Taek Jho yang terlibat dalam skandal 1MDB status terkini usaha Kerajaan untuk mendapatkan aset-aset yang berkaitan dengan 1MDB yang disita oleh negara-negara asing seperti di Amerika Syarikat, Singapura, Switzerland dan lain-lain.
56. PR-1411-L00562  
**Dato' Seri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai cadangan dalam membina Pusat Latihan Industri (ILK) di Parlimen Segamat dan apakah rancangan Kementerian untuk menjana tenaga kerja mahir di Johor umumnya dan khasnya Parlimen Segamat.
57. PR-1411-L01356  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan tepat dan faktual mengenai formula magis Kerajaan yang, di satu segi, hendak mengurangkan hasil Kerajaan seperti menghapuskan GST dan, di satu segi pula, hendak menambah perbelanjaan seperti memperkenalkan semula subsidi minyak dan menghapuskan tol.
58. PR-1411-L00044  
**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada akan membayar cukai-cukai yang sebagai hak Sarawak kepada Sarawak di bawah Perlembagaan. Bila pembayaran ini akan di buat.

59. PR-1411-L00407  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kebergantungan dengan pekerja asing di negara ini terutama sekali di sektor perladangan.
60. PR-1411-L00826  
**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan menjelaskan cara-cara dan strategi Kementerian menangani masalah pengangguran di kalangan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan para graduan. Untuk makluman pihak Kementerian, di P.198 Puncak Borneo setakat ini terdapat sebanyak 715 orang graduan pelbagai bidang menganggur.
61. PR-1411-L00870  
**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status tentang projek-projek mega seperti High Speed Rail (HSR), East Cost Rail Link (ECRL), projek MRT laluan-3 dan sebagainya.
62. PR-1411-L00928  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan hak-hak kedaulatan di Laut China Selatan terjamin khususnya dari aspek menjaga kepentingan ekonomi melalui hasil khazanah laut yang merupakan antara aset penting negara.
63. PR-1411-L00491  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan hasrat dan pelan Kerajaan pusat untuk memulangkan autonomi dalam pendidikan dan perubahan ke Sarawak dan juga 20 peratus royalti minyak dan 50 peratus cukai yang dikutip di Sarawak yang telah dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan dan pelan bagaimana proses itu boleh dilakukan.

64. PR-1411-L01335  
**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan Sabah dan Sarawak bukan sahaja jauh berpisah dari Malaya oleh Laut China Selatan tetapi juga terdapat banyak perbezaan dari segi kaum etnik, bahasa, budaya, keharmonian gaya hidup, penganutan agama, sejarah dan lain-lain, adakah Kerajaan Persekutuan bercadang mengamalkan sistem pengurus tadbiran mengikut *1-federation 2-system* memandangkan dasar-dasar dan tindakan-tindakan pentadbiran apa yang baik dan betul untuk Malaya tidak semestinya baik dan betul untuk Sabah dan Sarawak kerana perbezaan-perbezaan tersebut, iaitu tidak boleh satu dasar sesuai untuk semua (*1-size fits all policy*).
65. PR-1411-L00068  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berhubung dengan Bajet 2019 yang akan datang:-
- (a) bagaimanakah hutang negara akan dikira dan dilaporkan; dan
  - (b) sama ada laporan baru tersebut (jika ada) mematuhi piawaian perakaunan antarabangsa.
66. PR-1411-L00784  
**Dato' Sivarraajh Chandran [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan angka sebenar masyarakat India tanpa MyKad dan sijil kelahiran dan jumlah permohonan yang masih dalam proses kelulusan.
67. PR-1411-L00527  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status rancangan membina sebuah Hospital Kerajaan di Pasir Gudang. Berapakah jumlah kos perbelanjaannya. Sudahkah telah dikurniakan kepada mana-mana kontraktor untuk membina Hospital Pasir Gudang tersebut.
68. PR-1411-L01069  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menyelesaikan isu penyelewengan yang berlaku di dalam FELDA.

69. PR-1411-L00210  
**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah dalam 5 tahun yang lalu di Sarawak akibat masalah dadah, kongsi gelap dan gangsterisme. Adakah Kerajaan sedar bahawa masalah ini sudah merebak ke kawasan pedalaman / rumah-rumah panjang di Sarawak dan apakah tindakan Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.
70. PR-1411-L01078  
**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai semua butiran skim kebajikan yang berada di Sabah dan berapa peruntukan dalam kebajikan telah diberi kepada Sabah setiap tahun.
71. PR-1411-L00036  
**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan jelas bilakah proses desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan.
72. PR-1411-L00951  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan untuk menyelesaikan masalah "*ponding*" di atas Jalan Baru, Prai yang sering kali menakung air selepas hujan dan mewujudkan satu keadaan yang amat berbahaya kepada pengguna jalan tersebut terutama sekali penunggang motosikal dan bilakah kerja-kerja penambahbaikan akan bermula.
73. PR-1411-L00368  
**Tuan Ali bin Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan sehingga kini bagi menjayakan Projek Sadok Agropolitan di Sarawak.
74. PR-1411-L01393  
**Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pihak Kementerian dikatakan sedang dalam perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia dalam meringankan syarat-syarat pinjaman perumahan kepada pembeli rumah pertama. Adakah pihak KPKT akan mempertimbangkan maklum balas daripada Kerajaan Negeri dalam memperhalusi dasar baru ini termasuk pendekatan kreatif seperti '*rent-to-own*'.

75. PR-1411-L01404

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan terperinci:-

- (a) hutang negara dan perancangan Kerajaan untuk mengatasinya; dan
- (b) pecahan di antara hutang Kerajaan dengan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan lain-lain badan yang mana Kerajaan memberi surat jaminan (*Letter of Guarantee*).

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (24 Julai, 2018)**

2. PR-1411-U(27)003  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

**[ Menteri Pendidikan ]**

3. PR-1411-U(27)004  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

4. PR-1411-U(27)005  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

5. PR-1411-U(27)006  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

6. PR-1411-U(27)007  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

**[ Menteri Kewangan ]**

7. PR-1411-U(27)008  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

8. PR-1411-U(27)009

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

9. PR-1411-U(27)001

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

10. PR-1411-U(27)002

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 25.07.2018 (Rabu)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Pembangunan Dan Konsep Bandar Pintar (Smart City)	1. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
2. 25.07.2018 (Rabu)	2. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	2. Kemelut Graduan UniRazak Sarawak Dan Sabah	2. YB Menteri Pendidikan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**